

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA
(PARIT BUNTAR)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 25.11.2015

Y.B. DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA [PARIT BUNTAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kesan dari isu 1MDB terhadap dasar-dasar fiskal negara.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu 1MDB tidak memberi kesan ke atas dasar fiskal negara kerana hutang 1MDB yang dijamin oleh Kerajaan hanya berjumlah RM5.8 bilion. Isu utama 1MDB pada masa ini ialah *mismatch* antara aliran masuk (*inflow*) daripada operasi perniagaan serta penjualan aset dengan aliran keluar (*outflow*) pembayaran keluar faedah hutang (*debt interest*) dan *principal*. *Mismatch* ini berlaku disebabkan oleh

penangguhan pelan pelaksanaan IPO dan kesukaran penjualan tanah milik 1MDB akibat daripada perbagai perihalan, kritikan dan sebagainya yang dilemparkan terhadap 1MDB.

2. Bagi menangani cabaran-cabaran tersebut dan untuk membayar balik hutang syarikat, 1MDB telah menjalankan kajian strategik dan hasil daripada kajian tersebut, satu Pelan Rasionalisasi telah dibentangkan kepada Jemaah Menteri. Jemaah Menteri telah bersetuju dengan pelan tersebut dan mengarahkan 1MDB supaya melaksanakannya dengan segera.

3. Secara keseluruhannya, Kerajaan yakin bahawa 1MDB akan berjaya melaksanakan Pelan Rasionalisasi tersebut dan Kerajaan akan memastikan 1MDB untuk memberi fokus kepada usaha untuk memperkuuhkan kedudukan kewangannya termasuk menyelesaikan isu-isu berkaitan aliran tunai mereka.